



**JOURNAL OF INFORMATION
SYSTEM AND TECHNOLOGY
MANAGEMENT
(JISTM)**

www.gaexcellence.com/jistm



KERANGKA HIBRID ZAKAT-WAKAF BAGI MELESTARIKAN KETAHANAN EKONOMI ASNAF YANG MAMPAN

A HYBRID ZAKAT-WAQF FRAMEWORK FOR SUSTAINING THE SUSTAINABLE ECONOMIC RESILIENCE OF ASNAF

Surita Hartini Mat Hassan^{1*}, Mohd Nasir Ayub², Sakinatul Raadiyah Abdullah³, Mohd Faizal P. Rameli⁴, Che Khadijah Hamid⁵, Salimah Yahaya⁶

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, Kampus Raub, Malaysia

 suritahartini@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-0998-5374>

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, Kampus Raub, Malaysia

 mnasir251@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-5730-0974>

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia

 sakinatulraadiyah@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0007-1246-4741>

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Jasin, Malaysia

 faizal061@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-3326-0381>

⁵Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Malaysia

 chekhadijah@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0000-7304-6817>

⁶Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Malaysia

 salimahyahya@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-9088-8976>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 03.8.2026

Revised date: 27.08.2026

Accepted date: 06.09.2026

Published date: 20.09.2026

Abstrak:

Kemiskinan multidimensi merupakan cabaran utama sosioekonomi yang tidak dapat diselesaikan secara optimum melalui instrumen bantuan saraan jangka pendek semata-mata. Kajian konseptual ini bertujuan meneroka potensi pembinaan kerangka hibrid yang mengintegrasikan fungsi zakat dan wakaf bagi membina ketahanan

To cite this document:

Hassan, S. H. M., Ayub, M. N., Abdullah, S. R., Rameli, M. F. P., Hamid, C. K., & Yahaya, S. (2026). Kerangka Hibrid Zakat-Wakaf Bagi Melestarikan Ketahanan Ekonomi Asnaf Yang Mampan. *Journal of Information System and Technology Management*, 11 (44), 417-434.

DOI: 10.35631/JISTM.1144024

ekonomi asnaf yang mampan di Malaysia. Melalui kajian konseptual berasaskan analisis dokumen dan sorotan literatur bersistematik, kajian ini menganalisis peranan strategik kedua-dua instrumen kewangan sosial Islam tersebut. Hasil kajian mencadangkan satu kerangka konseptual empat fasa iaitu Penyelamatan Ekonomi, Pemulihan Ekonomi, Pengukuhan Ekonomi dan Ketahanan Ekonomi. Sinergi ini menggunakan kelebihan fungsian zakat sebagai penggerak modal insan dan operasi, manakala wakaf menyediakan aset fizikal dan prasarana kelestarian. Aspek tadbir urus yang telus melalui pengasingan akaun yang jelas (*ring-fencing*) dan audit Syariah berkala dicadangkan sebagai tonggak pematuhan bagi meningkatkan potensi impak pembangunan asnaf. Kajian ini memberikan implikasi dasar penting bagi institusi zakat dan wakaf dalam merangka model agihan yang lebih berdaya tahan dan lestari.

Kata Kunci:

Asnaf, Hibrid, Ketahanan Ekonomi, Kerangka, Kewangan Sosial Islam, Wakaf, Zakat

Abstract:

Multidimensional poverty represents a major socioeconomic challenge that cannot be optimally addressed solely through short-term subsistence assistance. This conceptual study aims to explore the potential for developing a hybrid framework that integrates the functions of zakat and waqf to enhance the livelihood security and build the sustainable economic resilience of asnaf in Malaysia. Employing a qualitative design based on document analysis and a systematic literature review, this study examines the strategic roles of these two Islamic social finance instruments. The findings propose a four-phase conceptual framework comprising Economic Rescue, Economic Recovery, Economic Strengthening, and Economic Resilience. This synergy leverages the functional advantages of zakat as a catalyst for human capital development and operational support, while waqf provides physical assets and sustainable infrastructure. Transparent governance mechanisms through clear account segregation (*ring-fencing*) and periodic Shariah audits are proposed as key compliance pillars to maximise the developmental impact on asnaf. This study offers important policy implications for zakat and waqf institutions in designing a more resilient and sustainable distribution model.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact jistm@gaexcellence.com

Keyword:

Asnaf, Economic Resilience, Hybrid, Framework, Islamic Social Finance, Waqf, Zakat

Pendahuluan

Kemiskinan dan kemerosotan ekonomi merupakan cabaran utama dalam agenda pembangunan masyarakat. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan, institusi agama, badan bukan kerajaan dan sektor korporat, namun masih terdapat sebahagian golongan miskin berhadapan dengan kesukaran untuk mencapai kehidupan yang stabil. Keadaan ini

menunjukkan bahawa persoalan kemiskinan tidak boleh dilihat hanya berdasarkan kekurangan pendapatan semata-mata. Sebaliknya, ia perlu difahami secara lebih menyeluruh meliputi aspek makanan, tempat tinggal, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, kemahiran, pemilikan aset, serta kemampuan menghadapi sebarang risiko ekonomi yang mencabar.

Kesejahteraan masyarakat merupakan agenda penting dalam sistem ekonomi Islam. Islam menyediakan pelbagai mekanisme pengagihan kekayaan dan pembangunan sosial seperti zakat, wakaf, sedekah, infak dan *qard hasan*. Mekanisme tersebut berfungsi untuk memastikan kekayaan tidak hanya beredar dalam kalangan golongan tertentu sahaja, malah seharusnya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat secara lebih meluas. Zakat merupakan salah satu instrumen kewangan sosial Islam yang berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan kepada golongan yang telah ditetapkan oleh syarak. Di Malaysia, institusi zakat memainkan peranan besar dalam membantu golongan asnaf melalui pelbagai bentuk bantuan termasuk bantuan kewangan, pendidikan, perumahan, kesihatan, modal perniagaan dan pembangunan ekonomi.

Namun demikian, perkembangan pengurusan zakat perlu bergerak daripada pendekatan bantuan saraan semata-mata kepada pendekatan pembangunan yang mampan. Bantuan jangka pendek sememangnya penting untuk memastikan golongan asnaf dapat memenuhi keperluan asas harian, tetapi bantuan tersebut tidak mencukupi untuk menjamin perubahan sosioekonomi yang berkekalan. Golongan asnaf memerlukan laluan pembangunan komprehensif yang dapat meningkatkan kapasiti, kemahiran, pendapatan dan ketahanan ekonomi mereka secara menyeluruh.

Dalam konteks ini, wakaf mempunyai potensi yang amat signifikan untuk dieksploitasi. Wakaf mempunyai ciri keunikan yang tersendiri kerana aset wakaf dapat dikekalkan (*tahbis al-asil*) dan manfaatnya boleh digunakan secara berterusan (*tasbil al-manfa'ah*) untuk tujuan kebajikan serta pembangunan masyarakat. Tanah wakaf, bangunan wakaf dan wakaf tunai berpotensi tinggi untuk dibangunkan secara produktif bagi menyediakan infrastruktur perumahan, pendidikan, kesihatan, premis perniagaan, peluang pekerjaan dan kemudahan sosial bagi golongan yang memerlukan.

Integrasi antara zakat dan wakaf bukanlah suatu gagasan yang baharu dalam wacana kewangan sosial Islam. Kajian terdahulu oleh Mohd Ali et al. (2019) telah membincangkan pendekatan hibrid tanah wakaf dan dana zakat dalam usaha melindungi kesejahteraan asnaf *fisabilillah*. Kajian tersebut menunjukkan bahawa gabungan strategik antara tanah wakaf dan dana zakat mempunyai potensi besar untuk menyokong pembangunan sosioekonomi golongan asnaf. Kajian-kajian lain turut membuktikan bahawa integrasi instrumen kewangan sosial Islam mempunyai potensi besar untuk meningkatkan keberkesanan usaha pembangunan komuniti. Widiastuti et al. (2022) misalnya, mencadangkan model kewangan sosial Islam bersepadu yang menggunakan empat fasa pembangunan, iaitu *Economic Rescue*, *Economic Recovery*, *Economic Reinforcement* dan *Economic Resilience*. Kajian mereka menekankan bahawa perubahan kesejahteraan masyarakat tidak dapat dicapai secara optimum melalui penggunaan satu instrumen sahaja secara berasingan.

Sehubungan itu, artikel ini membincangkan potensi pendekatan hibrid zakat-wakaf (hybrid zakat-waqf) dalam memperkukuh ketahanan ekonomi golongan asnaf. Pendekatan hibrid ini tidak merujuk kepada pencampuran dana secara bebas tanpa mengambil kira prinsip Syariah dan aspek perundangan. Sebaliknya, ia merujuk kepada pengintegrasian fungsi, koordinasi

strategi, perancangan bersepadu, penyasaran penerima yang tepat, penyelarasan projek, dan pengoptimuman impak kedua-dua instrumen tersebut secara sistematik dan berstruktur. Kajian seumpama ini masih belum ditemui dalam pengkajian berkaitan integrasi zakat dan wakaf.

Sorotan Literatur

Perkembangan kontemporari dalam bidang kewangan sosial Islam menunjukkan bahawa instrumen zakat dan wakaf mempunyai peranan yang semakin kritikal dalam menangani kemiskinan, ketidaksamaan dan pengecualian sosial. Konsep kewangan sosial Islam kini tidak lagi dilihat hanya sebagai mekanisme kebajikan (*charity*), tetapi sebagai satu ekosistem yang berpotensi memacu pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat secara lestari. Mahadi (2022) menjelaskan bahawa integrasi instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat, wakaf, mikro kewangan Islam dan pembiayaan alternatif mempunyai potensi yang sangat luas untuk mempercepatkan pembangunan ekonomi serta menyokong golongan rentan. Pendekatan tersebut perlu disokong oleh kerjasama institusi yang erat, tadbir urus yang baik, pembangunan teknologi yang inklusif, serta keselarasan yang utuh dengan prinsip Maqasid Syariah.

Dalam konteks yang sama, Abdul Rahman dan Yamaluddin (2025) menegaskan bahawa pelaksanaan inisiatif kewangan sosial Islam secara berasingan boleh menghadapi impak kolektif yang mampu dihasilkan oleh instrumen seperti zakat dan wakaf. Mereka mencadangkan suatu kerangka strategik yang menekankan integrasi, tadbir urus yang kukuh, kerjasama pelbagai institusi dan penggunaan teknologi moden bagi meningkatkan impak sosioekonomi secara keseluruhan. Hal ini menunjukkan bahawa perbincangan akademik mengenai zakat dan wakaf perlu bergerak melangkaui pendekatan sektor yang sempit. Zakat tidak seharusnya dilihat hanya sebagai dana bantuan sara hidup yang bersifat sementara, manakala wakaf pula tidak seharusnya dipandang sebagai aset statik yang tidak produktif. Sebaliknya, kedua-duanya perlu digerakkan secara sinergi sebagai komponen penting dalam satu ekosistem pembangunan sosial yang dinamik.

Walaupun institusi zakat di Malaysia telah memainkan peranan yang cemerlang dalam membantu asnaf, isu utama yang masih membelenggu ialah bagaimana bantuan tersebut dapat diterjemahkan kepada perubahan kualiti kehidupan yang berkekalan. Sebahagian besar agihan zakat masih tertumpu kepada pemenuhan keperluan asas seperti makanan, sewa rumah, kos rawatan dan bantuan kewangan sara hidup. Bantuan ini memang amat kritikal, khususnya bagi golongan yang berada dalam keadaan kecemasan atau sangat terdesak (*fasa survival*). Walau bagaimanapun, kebergantungan berterusan terhadap bantuan zakat boleh berlaku sekiranya tidak wujud suatu mekanisme pembangunan ekonomi yang membolehkan penerima meningkatkan kapasiti ekonomi mereka sendiri. Oleh itu, pendekatan pembangunan asnaf yang holistik mesti merangkumi aspek latihan, pendidikan, peningkatan kemahiran, penyediaan peluang pekerjaan, pemerkasaan keusahawanan dan pembangunan aset produktif (Widiastuti et al., 2022).

Pada masa yang sama, institusi wakaf mempunyai pelbagai bentuk aset yang berpotensi besar untuk dibangunkan bagi menyokong agenda sosioekonomi. Namun, pembangunan aset wakaf sering berhadapan dengan kekangan dari aspek perancangan strategik, modal pembangunan, kepakaran pengurusan dan model perniagaan yang sesuai. Sekiranya aset wakaf dibiarkan statik dan tidak dibangunkan secara produktif, potensi manfaat jangka panjang kepada masyarakat tidak dapat dimaksimumkan. Isu utama yang timbul ialah pelaksanaan instrumen zakat dan wakaf secara berasingan menyebabkan peluang sinergi tidak dimanfaatkan

sepenuhnya. Zakat mempunyai kekuatan yang sangat tinggi dari sudut penyelesaian keperluan segera penerima yang layak (asnaf), manakala wakaf pula mempunyai kekuatan yang unik dari sudut pembangunan aset kekal dan penajaan manfaat yang berterusan. Sekiranya kedua-dua instrumen ini dirancang secara bersepadu, suatu ekosistem pembangunan yang jauh lebih komprehensif, lestari dan berimpak tinggi dapat diwujudkan bagi menyelesaikan isu kemiskinan multidimensi (Shirazi, 2014). Justeru itu, kajian yang mengintegrasikan zakat dan wakaf sewajarnya dilakukan sebaik yang mungkin supaya aset dan kekuatan umat Islam tidak terbiar begitu sahaja tanpa sebarang transformasi.

Jurang kajian (*research gap*) bagi kajian ini berteraskan isu pelaksanaan instrumen zakat dan wakaf yang secara tradisinya bergerak secara berasingan dan terpisah, terutamanya apabila agihan zakat masih tertumpu kepada bantuan sara hidup jangka pendek yang berisiko mewujudkan kebergantungan berterusan, manakala pembangunan aset wakaf terhalang oleh kekangan modal dan perancangan strategik. Walaupun kajian terdahulu seperti Mohd Ali et al. (2019) dan Widiastuti et al. (2022) pernah mengetengahkan potensi integrasi kewangan sosial Islam, jurang utama yang masih wujud ialah kegagalan memanfaatkan sinergi khusus antara keupayaan zakat (memenuhi keperluan asas dan kecemasan asnaf) dengan kekuatan wakaf (pembangunan aset kekal dan penajaan manfaat jangka panjang) bagi menangani isu kemiskinan multidimensi secara holistik. Justeru, kajian ini mengisi kelompangan literatur dengan membincangkan model pendekatan hibrid zakat-wakaf yang terstruktur dan sistematik iaitu model yang mengintegrasikan fungsi, koordinasi strategi, perancangan bersepadu, penyasaran penerima yang tepat, serta penyelarasan projek demi memastikan transformasi sosioekonomi dan ketahanan ekonomi golongan asnaf dapat dicapai secara mampan dan berkekalan.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan konseptual berasaskan sorotan literatur bersistematik dan analisis dokumen. Pemilihan pendekatan ini adalah bertepatan dengan tujuan utama kajian (Creswell, 2017), iaitu untuk meneroka, menganalisis dan memahami secara mendalam konsep zakat, wakaf, ketahanan ekonomi serta integrasi kewangan sosial Islam bagi membina satu kerangka konseptual yang komprehensif dan praktikal. Proses pengumpulan data dilaksanakan melalui penelitian terhadap sumber-sumber sekunder yang berautoriti. Menurut Bowen (2009), analisis dokumen merupakan kaedah yang cekap untuk mengekstrak makna, memperoleh pemahaman yang mendalam dan membina pengetahuan empirikal yang kukuh tanpa memerlukan interaksi lapangan yang pramatang. Oleh itu, sumber data kajian ini merangkumi artikel jurnal berwasiat, buku ilmiah, kertas prosiding persidangan, laporan rasmi institusi dan dokumen dasar berkaitan kewangan sosial.

Bagi memastikan perbincangan yang berfokus dan sistematik, sorotan literatur ditumpukan kepada beberapa tema utama yang relevan dengan objektif kajian. Tema-tema ini meliputi konsep dan fungsi zakat serta wakaf, pembangunan sosioekonomi asnaf, isu kemiskinan multidimensi dan keterjaminan hidup serta ekosistem kewangan sosial Islam. Penekanan khusus juga diberikan kepada tema integrasi strategik zakat-wakaf, aspek tadbir urus institusi, pematuhan Syariah, dan kaedah pengukuran impak sosial. Data kualitatif yang diperolehi daripada pelbagai dokumen ini kemudiannya dianalisis secara sistematik berasaskan model analisis data kualitatif tiga peringkat sepertimana yang dikemukakan oleh Miles, Huberman dan Saldana (2014). Pada peringkat pertama, kajian mengenal pasti peranan, kekuatan dan kekangan yang wujud pada instrumen zakat serta wakaf secara berasingan. Peringkat kedua

diteruskan dengan meneliti titik persamaan, perbezaan dan aspek pelengkap (complementarity) antara kedua-dua instrumen tersebut. Seterusnya, pada peringkat ketiga, kesemua dapatan dan tema dianalisis secara konseptual bagi membentuk satu gagasan baharu, iaitu kerangka konseptual hibrid zakat-wakaf.

Walau bagaimanapun, penting untuk dinyatakan bahawa skop kajian ini adalah terhad kepada pembangunan kerangka konseptual sahaja. Memandangkan model hibrid zakat-wakaf yang dicadangkan ini terhasil daripada analisis teoretikal dan literatur kontemporari, ia belum diuji secara empirikal di lapangan. Oleh yang demikian, model yang dibangunkan ini memerlukan proses pengesahan pakar (*expert validation*) yang terdiri daripada ahli akademik, pakar rujuk Syariah dan pengamal industri institusi zakat dan wakaf. Seterusnya, kajian lapangan pada masa hadapan amat diperlukan bagi menilai kebolehlaksanaan (*feasibility*) serta keberkesanan model ini dalam konteks dunia sebenar.

Analisis Dan Perbincangan

Konsep Zakat Dan Wakaf Dalam Pembangunan Sosioekonomi

Zakat merupakan salah satu tiang utama dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam. Dari sudut bahasa, zakat membawa maksud kesucian, pertumbuhan dan keberkatan. Dari sudut istilah, zakat merujuk kepada tindakan mengeluarkan sebahagian harta tertentu yang telah memenuhi syarat wajib (seperti cukup nisab dan haul) untuk diagihkan kepada golongan tertentu berdasarkan ketetapan Syariah. Golongan penerima zakat (asnaf) telah ditetapkan secara khusus dalam al-Quran melalui Surah al-Tawbah ayat 60, yang terdiri daripada lapan golongan iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibn al-sabil. Fungsi epistemologi zakat adalah sebagai paksi pembersihan harta dan jiwa pembayar serta merapatkan jurang ekonomi antara golongan kaya dengan golongan miskin.

Dalam wacana ekonomi Islam kontemporari, fungsi zakat telah berkembang pesat melampaui sempadan bantuan sara hidup yang bersifat sementara kepada usaha penjana ekonomi (produktif) yang mampan. Menurut Al-Qaradawi (2000) dalam karya agungnya Fiqh al-Zakah, matlamat jangka panjang zakat adalah untuk memindahkan asnaf daripada status penerima zakat (*mustahiq*) kepada status pembayar zakat (*muzakki*). Dalam konteks agihan moden, zakat produktif disalurkan dalam bentuk pembiayaan modal perniagaan, penyediaan peralatan, program latihan kemahiran dan pemandirian pendidikan. Pendekatan ini adalah selari dengan prinsip Maqasid Syariah, khususnya *Hifz al-Mal* (pemeliharaan harta) dan *Hifz al-Aql* (pemeliharaan akal) melalui pembinaan kapasiti asnaf agar mampu berdikari (Pramanik et al., 2015). Walau bagaimanapun, kekangan utama instrumen zakat terletak pada syarat Syariah yang ketat seperti keperluan *tamlik* (pindah milik mutlak kepada asnaf) dan sifat dana yang perlu diagihkan segera setiap tahun (cair dan berjangka pendek). Dana zakat tidak boleh dibekukan atau dilaburkan ke dalam pembinaan infrastruktur fizikal yang kekal tanpa justifikasi Syariah yang sangat kuat, kerana ia boleh mengurangkan kecairan dana yang diperlukan untuk bantuan segera.

Sebaliknya, wakaf bertindak sebagai penyedia infrastruktur kekayaan jangka panjang bagi umat Islam. Ciri utama wakaf iaitu *tahbis al-asl* (menahan aset fizikal/pokok) dan *tasbil al-manfa'ah* (menyalurkan manfaatnya secara berterusan bagi tujuan kebajikan) menjadikannya instrumen terbaik untuk pembangunan aset fizikal yang mampan (Kahf, 2003). Kemunculan konsep wakaf produktif, wakaf tunai, dan wakaf korporat telah menyelesaikan isu kecairan

(liquidity) yang sering membelenggu tanah-tanah wakaf tradisional. Melalui pengumpulan dana wakaf tunai daripada masyarakat secara pembiayaan kelompok (*crowdfunding*), institusi wakaf boleh melaburkan dana tersebut ke dalam instrumen patuh Syariah atau membina aset fizikal, manakala pulangan pelaburan dan manfaat aset tersebut disalurkan untuk kebajikan komuniti. Oleh sebab sasaran penerima wakaf adalah lebih fleksibel dan tidak terhad kepada lapan asnaf, wakaf mampu menyokong pembinaan infrastruktur awam berskala besar seperti hospital, universiti, pusat latihan kemahiran, dan kompleks komersial yang memberikan manfaat kolektif kepada seluruh masyarakat (Cizacka, 2000).

Oleh itu, zakat dan wakaf berfungsi secara saling melengkapi dalam pembangunan sosioekonomi Islam, di mana zakat bertindak sebagai instrumen pembersihan harta dan agihan semula jangka pendek untuk merapatkan jurang ekonomi serta memindahkan asnaf daripada status *mustahiq* kepada *muzakki*. Walaupun pelaksanaan zakat tertakluk kepada syarat Syariah yang ketat seperti keperluan *tamlik* dan agihan segera, institusi wakaf pula mengisi keperluan pembangunan infrastruktur kekayaan fizikal jangka panjang menerusi prinsip *tahbis al-asl* serta keanjalan penerima manfaat yang lebih luas. Melalui penterjemahan moden seperti zakat produktif dan wakaf tunai, penggabungan kedua-dua instrumen ini berupaya merealisasikan prinsip Maqasid Syariah dalam memperkasa kapasiti sendiri asnaf dan menyediakan kemudahan awam yang mampan demi kesejahteraan kolektif masyarakat.

Ketahanan Ekonomi Asnaf: Dimensi Dan Pendekatan Keupayaan

Konsep ketahanan ekonomi golongan asnaf tidak boleh diukur secara konvensional hanya berdasarkan garis kemiskinan mutlak berasaskan pendapatan isi rumah semata-mata. Sebaliknya, ia perlu dinilai melalui lensa Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) (Alkire & Foster, 2011) yang merangkumi pelbagai dimensi kesejahteraan fizikal, sosial, dan psikologi. Berdasarkan kerangka Maqasid Syariah dan konsep pembangunan mampan, lima dimensi utama ketahanan hidup asnaf telah dikenal pasti:

- Keperluan Asas (Tahap Dharuriyyat): Melibatkan pemenuhan keperluan fisiologi yang paling mendesak bagi kelangsungan hidup (*survival*) seperti makanan berkhasiat, pakaian yang layak, dan tempat tinggal yang selamat. Ini adalah prasyarat utama bagi memelihara nyawa (*Hifz al-Nafs*) dan agama (*Hifz al-Din*) sebelum asnaf bersedia untuk menyertai program pembangunan diri yang lebih maju (Al-Qaradawi, 2000).
- Ketahanan Ekonomi (Penjanaan Berterusan): Menekankan peralihan asnaf daripada kebergantungan bantuan kepada keupayaan menjana pendapatan secara berterusan melalui pekerjaan yang stabil atau aktiviti keusahawanan. Kestabilan kewangan jangka sederhana ini penting bagi membolehkan asnaf menampung kos sara hidup secara berdikari.
- Ketahanan Pendidikan dan Kemahiran (Modal Insan): Bertepatan dengan objektif pemeliharaan akal (*Hifz al-Aql*), dimensi ini memfokuskan kepada peningkatan modal insan asnaf melalui akses kepada pendidikan formal, latihan vokasional (TVET), literasi kewangan, dan bimbingan kerjaya bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka di pasaran buruh (Hairunnizam et al., 2010).
- Ketahanan Sosial (Kesejahteraan Komprehensif): Kemiskinan sering membawa kepada keterpinggiran sosial. Dimensi ini memastikan asnaf mendapat akses yang saksama kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, persekitaran keluarga yang kondusif, dan jaringan sokongan komuniti yang kukuh.

- Ketahanan Jangka Panjang: Pada tahap Tahsiniyyat (kesempurnaan), dimensi ini memfokuskan kepada pembinaan keupayaan asnaf untuk menghadapi sebarang kejutan ekonomi (*economic shocks*) seperti inflasi, kehilangan pekerjaan atau penyakit kritikal. Ini dicapai melalui pemilikan aset fizikal, pemupukan budaya menabung, dan penyertaan dalam instrumen perlindungan sosial seperti mikro-takaful.

Analisis ini menunjukkan bahawa ketahanan ekonomi asnaf memerlukan proses pembangunan yang berterusan dan tidak boleh diselesaikan melalui sumbangan kewangan sekali sahaja (*one-off*). Perspektif ini sangat selari dengan Pendekatan Keupayaan (*Capability Approach*) oleh Amartya Sen, yang menegaskan bahawa pembangunan sebenar bermaksud memperluaskan keupayaan dan kebebasan individu untuk menjalani kehidupan yang mereka hargai. Oleh itu, integrasi zakat dan wakaf bertindak sebagai serampang dua mata: zakat menyelesaikan krisis keperluan asas segera individu, manakala wakaf menyediakan infrastruktur sokongan fizikal dan prasarana mampan yang membolehkan asnaf mengembangkan potensi diri mereka secara optimum (Kahf, 2003).

Dapat dirumuskan bahawa ketahanan ekonomi asnaf tidak harus diukur secara konvensional melalui garis kemiskinan pendapatan semata-mata, sebaliknya perlu dinilai menerusi Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) dan kerangka Maqasid Syariah. Pendekatan ini merangkumi lima dimensi utama, iaitu keperluan asas (*Dharuriyyat*) untuk kelangsungan hidup dan pemeliharaan nyawa serta agama, ketahanan ekonomi bagi peralihan ke arah penjanaan pendapatan berterusan, ketahanan pendidikan dan kemahiran demi meningkatkan modal insan (*Hifz al-Aql*), ketahanan sosial yang menjamin akses kesihatan dan sokongan komuniti, serta ketahanan jangka panjang (Tahsiniyyat) untuk menghadapi kejutan ekonomi melalui pemilikan aset dan perlindungan sosial. Secara keseluruhannya, usaha ini selari dengan Pendekatan Keupayaan (*Capability Approach*) yang memerlukan integrasi serampang dua mata antara zakat untuk penyelesaian krisis asas segera dan wakaf bagi penyediaan infrastruktur sokongan mampan.

Sinergi Antara Zakat dan Ketahanan Ekonomi Asnaf

Dinamika instrumen zakat dalam memacu keterjaminan hidup asnaf bertindak sebagai pemangkin utama melalui tiga fasa intervensi yang tersusun: penyelamatan, pemulihan, dan pemerkasaan. Melalui lensa pengurusan zakat kontemporari, agihan zakat dilaksanakan secara berkala dan bersasar mengikut tahap keperluan asnaf. Pada peringkat penyelamatan (aspek *dharuriyyat*), zakat konsumtif diagihkan dalam bentuk bantuan sara hidup segera, bantuan kecemasan, bakul makanan, rawatan perubatan asas, dan bantuan sewa rumah. Langkah segera ini penting untuk memelihara nyawa (*Hifz al-Nafs*) dan memberikan ruang pernafasan (*breathing space*) kepada asnaf sebelum mereka bersedia fizikal dan mental untuk menyertai program pemulihan (Al-Qaradawi, 2000).

Setelah asnaf mencapai tahap kestabilan asas, agihan zakat beralih kepada fasa pemulihan dan pembangunan kapasiti modal insan. Dana zakat di bawah asnaf *fisabilillah* atau fakir dan miskin disalurkan untuk membiayai pendidikan, yuran latihan vokasional (TVET), biasiswa, program literasi kewangan serta bimbingan psikologi dan motivasi. Kajian oleh Hairunnizam et al. (2010) menegaskan bahawa pelaburan zakat dalam bidang pendidikan merupakan mekanisme yang paling berkesan untuk memecahkan rantai kemiskinan antara generasi (*intergenerational poverty*). Pada fasa kemuncak iaitu pemerkasaan ekonomi, zakat produktif digunakan sebagai pemangkin penjanaan pendapatan secara berdikari. Dana zakat disalurkan

dalam bentuk suntikan modal perniagaan tanpa faedah, pembelian aset produktif (seperti mesin, bot, atau motosikal) dan penyediaan dana pusingan *qard hasan*. Menurut Obaidullah (2018), zakat produktif membantu mewujudkan kelestarian pendapatan dan membina ketahanan jangka panjang bagi asnaf menghadapi kejutan ekonomi.

Dinamika instrumen zakat memacu keterjaminan hidup asnaf menerusi tiga fasa intervensi yang tersusun dan bersasar, iaitu penyelamatan, pemulihan, dan pemerkasaan. Fasa penyelamatan (*dharuriyyat*) menyalurkan zakat konsumtif seperti bantuan sara hidup, kecemasan, dan makanan segera bagi memberi ruang pernafasan serta memelihara nyawa. Fasa pemulihan pula memfokuskan pelaburan modal insan menerusi pembiayaan pendidikan, latihan vokasional (TVET), dan literasi kewangan bagi memutus rantai kemiskinan intergenerasi. Akhir sekali, fasa pemerkasaan ekonomi memanfaatkan zakat produktif seperti suntikan modal perniagaan dan dana *qard hasan* untuk membolehkan asnaf menjana pendapatan secara berdikari serta membina ketahanan jangka panjang.

Sinergi Antara Wakaf dan Keterjaminan Jangka Panjang

Zakat memfokuskan kepada pembangunan modal insan dan sokongan operasi jangka pendek (sebagai perkakasan lembut atau software), manakala wakaf berfungsi sebagai penyedia infrastruktur fizikal dan prasarana jangka panjang (perkakasan keras atau hardware). Keupayaan wakaf untuk mengekalkan nilai pokok aset (*tahbis al-asl*) menjadikannya instrumen terbaik untuk menyokong dimensi keterjaminan hidup asnaf secara mampan (Sadeq, 2002). Sinergi ini dapat dilihat secara jelas melalui empat aplikasi strategik aset wakaf:

- Tanah Wakaf untuk Keterjaminan Perumahan: Tanah-tanah wakaf dibangunkan menjadi kompleks perumahan mampu milik atau rumah transit yang disewakan pada kadar bersubsidi atau diberikan percuma kepada asnaf miskin. Langkah ini menyelesaikan isu beban sewa rumah yang tinggi di kawasan bandar dan menjamin hak tempat tinggal yang selamat (aspek *dharuriyyat*).
- Bangunan Wakaf untuk Keterjaminan Pendidikan dan Kemahiran: Aset fizikal wakaf ditransformasikan menjadi sekolah, pusat latihan vokasional (TVET), perpustakaan, atau pusat komuniti. Penyediaan infrastruktur pendidikan percuma atau kos rendah ini menyokong mobiliti sosial asnaf tanpa membebankan dana zakat untuk kos pembinaan bangunan (Cizakca, 2000).
- Premis Komersial Wakaf dan Wakaf Tunai untuk Pemerkasaan Ekonomi: Ruang komersial seperti kedai atau arked perniagaan yang dibina di atas tanah wakaf disewakan kepada usahawan asnaf pada kadar minimum bagi mengurangkan kos overhead perniagaan. Manakala dana wakaf tunai dilaburkan sebagai dana pusingan untuk pembiayaan mikro usahawan kecil (Chowdhury et al., 2011).
- Hospital dan Klinik Wakaf untuk Keterjaminan Sosial (Kesihatan): Pembinaan fasiliti kesihatan komuniti yang dibiayai melalui dana wakaf membolehkan asnaf mendapat akses rawatan perubatan percuma atau bersubsidi tinggi. Ini melindungi asnaf daripada kejutan kos perubatan yang berisiko membawa mereka kembali ke kancan kemiskinan tegar.

Sinergi dinamik ini membuktikan bahawa gabungan antara fungsi zakat dan wakaf mampu mewujudkan satu ekosistem pembangunan sosial yang lengkap. Wakaf membina tapak dan prasarana fizikal, manakala zakat mengisi prasarana tersebut dengan modal insan, latihan, dan

kos operasi (Kahf, 2003). Kerangka hibrid zakat dan wakaf merupakan satu keperluan dalam memastikan keterjaminan hidup umat Islam dalam kesejahteraan.

Berbeza dengan zakat yang memfokuskan pembangunan modal insan dan operasi jangka pendek, wakaf berfungsi menyediakan infrastruktur fizikal dan prasarana mampan menerusi prinsip kekal nilai pokok aset (*tahbis al-asil*). Aplikasi strategik aset wakaf merangkumi empat domain utama: pembangunan tanah wakaf bagi kediaman mampu milik untuk mengatasi beban sewa, pengubahsuaian bangunan wakaf menjadi fasiliti pendidikan dan latihan TVET percuma, penyediaan premis komersial bersubsidi serta wakaf tunai bagi mengurangkan overhead usahawan asnaf, dan pembinaan hospital atau klinik wakaf untuk menjamin akses kesihatan serta melindungi asnaf daripada krisis kos perubatan.

Kerangka Konseptual Hibrid Zakat-Wakaf

Berdasarkan analisis data literatur, model hibrid zakat-wakaf yang dicadangkan dalam kajian ini beroperasi melalui pendekatan empat fasa pembangunan yang sistematik, dinamik, dan linear (Widiastuti et al., 2022). Setiap fasa mempunyai fokus strategik, intervensi hibrid khusus, dan matlamat akhir yang jelas bagi membina ketahanan asnaf secara berperingkat:

Jadual 1: Kerangka Hibrid Zakat-Wakaf

Fasa Aliran	Fokus Utama	Intervensi Hibrid (Zakat & Wakaf)	Matlamat Akhir
1. Penyelamatan	Penyelamatan dan pemulihan segera keperluan asas asnaf bagi meneruskan kelangsungan hidup asas.	Zakat (Kewangan): Menyediakan agihan konsumtif segera (bantuan kewangan sara hidup bulanan, bakul makanan, bayaran rawatan, dan subsidi perumahan). Wakaf (Fizikal): Menyediakan infrastruktur fizikal seperti pusat penempatan sementara, pusat kebajikan, dan klinik perubatan komuniti.	Asnaf berjaya mencapai tahap kestabilan fisiologi dan emosi minimum untuk survival diri.
2. Pemulihan	Pemulihan keupayaan intelektual, emosi dan persediaan minda asnaf untuk perubahan sosioekonomi.	Zakat (Modal Insan): Penajaan biasiswa pendidikan (asnaf Fisabilillah), bantuan yuran program kemahiran/TVET, pembiayaan program literasi kewangan dan kaunseling psikologi. Wakaf (Pusat Latihan): Menyediakan bangunan sekolah, dewan latihan dan peralatan teknikal untuk kegunaan pengajian asnaf.	Kapasiti modal insan asnaf diperkukuh dan minda mereka bersedia untuk berdikari.

3. Pengukuhan	Pengukuhan status ekonomi melalui penjanaan pendapatan fizikal dan pemeraksanaan perniagaan.	Zakat (Modal Ekonomi): Suntikan modal zakat produktif, peralatan perniagaan, pembiayaan mikro <i>qard hasan</i> dan projek pertanian berkelompok. Wakaf (Premis Niaga): Menyediakan akses ruang komersial, lot kedai atau tapak pertanian pajakan dengan kadar sewaan subsidi yang minimum.	Usahawan asnaf mampu menjana pendapatan bersih secara konsisten dan berdikari secara ekonomi.
4. Ketahanan	Pembinaan ketahanan jangka panjang bagi mengelakkan asnaf daripada kembali terjerumus dalam kemiskinan.	Zakat (Perlindungan): Tajaan caruman skim perlindungan sosial (mikro-takaful) dan bimbingan pengurusan kewangan mampan. Wakaf (Kelestarian): Dana wakaf tunai pusingan menyokong kesinambungan pelaburan perniagaan asnaf, menggalakkan pemilikan aset fizikal dan pembudayaan tabungan jangka panjang.	Asnaf bebas daripada kebergantungan bantuan, berdaya tahan menghadapi kejutan pasaran dan bersedia bergelar muzakki.

Sumber: Analisis Penyelidik

Perbincangan mengenai empat fasa ini menekankan bahawa proses pembangunan asnaf adalah suatu perjalanan linear yang berterusan dan saling berkait. Kegagalan pada mana-mana fasa (seperti memberikan modal perniagaan di Fasa 3 tanpa menyediakan latihan literasi kewangan dan kestabilan mental di Fasa 2) akan mengurangkan keberkesanan program agihan secara dramatik. Integrasi zakat dan wakaf dalam kerangka ini bertindak sebagai pemboleh ubah yang mengurangkan kos transaksi dan mempercepat proses transisi asnaf daripada menerima zakat (*mustahiq*) kepada pengeluar atau pembayar zakat (*muzakki*) (Mohd Ali et al., 2019). Fasa pertama memberi fokus utama kepada penyelamatan dan pemulihan segera keperluan asas asnaf bagi memastikan kelangsungan hidup asas mereka. Melalui pendekatan hibrid, zakat berfungsi dari sudut kewangan dengan menyediakan agihan konsumtif segera seperti bantuan sara hidup bulanan, bakul makanan, bayaran rawatan perubatan, dan subsidi perumahan. Manakala wakaf pula menyokong dari sudut fizikal dengan menyediakan infrastruktur penting seperti pusat penempatan sementara, pusat kebajikan, serta klinik perubatan komuniti. Matlamat akhir fasa ini adalah untuk memastikan asnaf berjaya mencapai tahap kestabilan fisiologi dan emosi minimum yang diperlukan untuk survival diri.

Fasa kedua menumpukan kepada pemulihan keupayaan intelektual, emosi, dan persediaan minda asnaf untuk mendepani perubahan sosioekonomi. Dalam fasa ini, zakat memainkan peranan untuk pembangunan modal insan melalui penajaan biasiswa pendidikan bagi asnaf Fisabilillah, bantuan yuran program kemahiran atau TVET, pembiayaan program literasi kewangan, dan perkhidmatan kaunseling psikologi. Sementara itu, wakaf menyediakan

kemudahan pusat latihan seperti bangunan sekolah, dewan latihan, dan peralatan teknikal untuk kegunaan pengajian asnaf. Hasil akhir fasa ini adalah untuk memperkukuh kapasiti modal insan asnaf supaya minda mereka bersedia untuk berdikari secara berperingkat.

Fasa ketiga bertujuan untuk mengukuhkan status ekonomi asnaf melalui penjana pendapatan fizikal dan pemerksaan perniagaan. Zakat disalurkan sebagai modal ekonomi, merangkumi suntikan modal perniagaan zakat produktif, pemberian peralatan perniagaan, pembiayaan mikro *qard hasan*, dan pelaksanaan projek pertanian berkelompok. Wakaf pula memperkasakan fasa ini dari sudut premis niaga dengan menyediakan akses kepada ruang komersial, lot kedai, atau tapak pertanian pajakan pada kadar sewaan subsidi yang minimum. Matlamat akhir fasa pengukuhan ini adalah bagi memastikan usahawan asnaf mampu menjana pendapatan bersih secara konsisten serta berdikari dari segi ekonomi.

Fasa keempat berfokus kepada pembinaan ketahanan jangka panjang bagi mengelakkan asnaf daripada kembali terjerumus ke dalam kancan kemiskinan. Dari aspek perlindungan, zakat menaja caruman skim perlindungan sosial seperti mikro-takaful serta memberikan bimbingan pengurusan kewangan yang mampan. Dari sudut kelestarian, wakaf menyediakan dana wakaf tunai pusingan untuk menyokong kesinambungan pelaburan perniagaan asnaf, menggalakkan pemilikan aset fizikal, serta memupuk budaya tabungan jangka panjang. Matlamat akhir fasa ini adalah untuk melahirkan asnaf yang bebas daripada kebergantungan bantuan, berdaya tahan menghadapi kejutan pasaran, dan akhirnya bersedia bergelar muzakki.

Kerangka Hibrid Zakat-Wakaf ini merupakan strategi pembangunan empat fasa terancang yang mentransformasikan asnaf daripada kebergantungan bantuan kepada kebebasan sosioekonomi sehingga bersedia bergelar muzakki. Pendekatan holistik ini bermula dengan Fasa Penyelamatan untuk memastikan kestabilan fisiologi dan emosi asas menerusi agihan kewangan konsumtif zakat serta prasarana fizikal wakaf, sebelum disusuli Fasa Pemulihan yang memfokuskan pembangunan modal insan melalui penajaan pendidikan, latihan kemahiran, dan penyediaan pusat latihan. Seterusnya, Fasa Pengukuhan memerksakan status ekonomi asnaf menerusi suntikan modal perniagaan zakat produktif, pembiayaan mikro *qard hasan*, dan akses premis niaga bersubsidi wakaf bagi menjana pendapatan konsisten. Akhir sekali, Fasa Ketahanan melengkapkan proses ini dengan membina perlindungan jangka panjang menerusi caruman mikro-takaful zakat serta dana wakaf tunai pusingan untuk pelaburan, pemilikan aset, dan tabungan agar asnaf berdaya tahan mendepani kejutan pasaran dan kekal bebas daripada kemiskinan.

Pelaksanaan Model Hibrid Zakat-Wakaf

Bagi menterjemahkan kerangka konseptual ini ke dalam bentuk praktikal, model hibrid zakat-wakaf boleh diaplikasikan secara meluas melalui penyelarasan operasi merentasi beberapa sektor sosioekonomi yang kritikal di Malaysia. Pertama, dalam Sektor Kesihatan dan Perumahan. Integrasi pintar dilaksanakan dengan cara membina fasiliti kesihatan (seperti pusat dialisis atau klinik komuniti) atau kompleks perumahan di atas tanah wakaf menggunakan dana wakaf tunai (sebagai aset fizikal). Seterusnya, institusi zakat akan menyalurkan dana bantuan perubatan (zakat rawatan pesakit) atau bantuan sewaan zakat perumahan bagi menampung kos operasi pesakit atau keluarga asnaf yang tinggal dan mendapatkan rawatan di premis wakaf tersebut. Pendekatan ini mengelakkan dana zakat daripada dibekukan untuk kos pembinaan bangunan yang tinggi, sebaliknya membolehkan dana tersebut disasarkan secara langsung kepada bantuan individu asnaf (aspek tamlik) (Kahf, 2003).

Pendekatan ini memperlihatkan satu bentuk penggunaan sumber yang lebih strategik kerana setiap instrumen kewangan sosial Islam digunakan berdasarkan kekuatan dan fungsi asalnya. Wakaf berperanan membina asas aset jangka panjang yang boleh dimanfaatkan secara berterusan, manakala zakat berfungsi memenuhi keperluan segera dan spesifik golongan asnaf. Oleh itu, integrasi ini berpotensi mengurangkan kos penyediaan kemudahan asas kepada asnaf dalam jangka panjang di samping memastikan bantuan zakat terus memenuhi prinsip *tamlik* dan sampai kepada penerima yang berhak.

Kedua, dalam Sektor Pendidikan dan Latihan Kemahiran (TVET), bangunan pusat kemahiran, asrama, dan peralatan latihan disediakan melalui sumbangan dana wakaf pendidikan. Seterusnya, institusi zakat bertindak membiayai kos yuran pengajian, kos sara hidup bulanan pelajar, dan elaun latihan asnaf (kategori fisabilillah atau fakir/miskin) yang mengikuti pengajian di pusat latihan tersebut. Model ini menjamin kualiti modal insan asnaf tanpa mewujudkan beban hutang pendidikan (Hairunnizam et al., 2010). Kombinasi antara wakaf pendidikan dan dana zakat ini mampu mewujudkan ekosistem pembangunan modal insan yang lebih mampan dan bersifat jangka panjang. Penyediaan infrastruktur melalui wakaf dapat mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan pembangunan yang berulang. Bantuan zakat ini membolehkan pelajar asnaf memberi tumpuan sepenuhnya terhadap proses pembelajaran dan peningkatan kemahiran. Secara tidak langsung, pendekatan ini dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan asnaf serta membuka peluang kepada mereka untuk mencapai kemandirian ekonomi pada masa hadapan.

Ketiga, dalam Sektor Pertanian dan Jaminan Makanan, tanah-tanah wakaf yang terbiar (*idle waqf lands*) dibangunkan dan dipajakkan untuk projek pertanian komersial jangka panjang. Usahawan tani dalam kalangan asnaf kemudiannya diberikan sokongan melalui dana zakat produktif dalam bentuk bantuan benih tanaman, baja, peralatan pertanian moden, serta bimbingan teknikal. Sinergi ini bukan sahaja menghidupkan tanah-tanah wakaf yang tidak produktif, malah membuka peluang penajaan pendapatan yang lumayan dan melestarikan rantaian jaminan makanan negara (Pramanik et al., 2015). Sektor pertanian merupakan antara bidang yang mempunyai potensi besar untuk menghubungkan objektif pembangunan aset wakaf dengan agenda pemerikasaan ekonomi asnaf. Penggunaan tanah wakaf yang sebelum ini tidak produktif bukan sahaja dapat meningkatkan nilai ekonomi aset tersebut, malah mampu menyediakan platform ekonomi yang lebih stabil kepada golongan asnaf. Dengan sokongan modal, latihan dan bimbingan daripada dana zakat, golongan asnaf berpotensi untuk beralih daripada penerima bantuan kepada pengusaha produktif yang mampu menjana pendapatan sendiri dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat.

Keempat, dalam Sektor Keusahawanan dan Perusahaan Sosial (Social Enterprise), institusi hibrid boleh menubuhkan syarikat perusahaan sosial yang menyewa lot perniagaan fizikal di atas tanah wakaf pada kadar minimum. Seterusnya, modal pusingan dan pembiayaan permulaan perniagaan bagi usahawan asnaf disuntik melalui dana zakat produktif. Keuntungan daripada aktiviti perniagaan perusahaan sosial ini kemudiannya disalurkan kembali (*recycled*) ke dalam dana wakaf tunai bagi membiayai kelangsungan program latihan usahawan asnaf yang baharu pada masa akan datang (Obaidullah, 2018). Pendekatan perusahaan sosial ini mempunyai potensi untuk membentuk satu ekosistem ekonomi yang lebih dinamik dan bersifat *self-sustaining*. Penyediaan premis perniagaan melalui aset wakaf dapat mengurangkan kos permulaan yang menjadi antara halangan utama kepada usahawan asnaf, manakala bantuan modal zakat dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Walau bagaimanapun, mekanisme pengitaran semula keuntungan perlu ditadbir

dengan jelas dan mematuhi prinsip Syariah bagi memastikan tiada pencampuran dana atau pelanggaran terhadap syarat penggunaan dana zakat. Jika dilaksanakan secara sistematik, model ini berpotensi mengurangkan kebergantungan berterusan terhadap bantuan dan mewujudkan kitaran pembangunan ekonomi asnaf yang lebih mampan.

Keadaan ini jelas menggambarkan keempat-empat pelaksanaan dalam sektor ini menunjukkan bahawa model hibrid zakat-wakaf bukan sekadar menggabungkan dua sumber dana, tetapi merupakan satu pendekatan strategik yang mengintegrasikan aset jangka panjang, bantuan jangka pendek, pembangunan modal insan dan penjana pendapatan secara saling melengkapi. Pendekatan ini seterusnya berpotensi menjadi asas kepada pembentukan ekosistem ketahanan ekonomi asnaf yang lebih berdaya tahan, produktif dan lestari.

Tadbir Urus dan Pematuhan Syariah

Keberkesanan pelaksanaan model hibrid zakat-wakaf ini amat bergantung kepada kewujudan sistem tadbir urus yang cekap, telus, dan mematuhi parameter Syariah secara mutlak. Pihak pentadbir mesti memastikan wujudnya sempadan perakaunan yang jelas melalui amalan ring-fencing atau pengasingan akaun antara dana zakat dan dana wakaf. Pengasingan ini amat mandatori bagi mengelakkan sebarang pertindihan hukum dan pelanggaran syarat penerimaan, memandangkan dana zakat tertakluk kepada syarat *tamlik* (pindah milik mutlak kepada asnaf) yang ketat, manakala dana wakaf pula tertakluk kepada syarat *tahbis al-asl* (pengekalan aset fizikal/pokok) (Hassan & Lewis, 2007).

Selain itu, pematuhan Syariah yang berterusan mesti disokong oleh pelaksanaan audit Syariah secara berkala dan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah yang bertindak menyelia setiap aktiviti pelaburan, projek pembangunan dan pengagihan manfaat hibrid. Ketelusan dalam pelaporan kewangan juga amat penting bagi mengekalkan keyakinan masyarakat selaku pembayar zakat (*muzakki*) dan pewakaf (*waqif*). Hubungan koordinasi institusi antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), institusi zakat, dan perbadanan wakaf perlu diperkukuhkan melalui platform penyelarasan data bersepadu bagi mengelakkan pertindihan fungsi dan memastikan agihan bantuan disalurkan kepada asnaf yang benar-benar layak (Shirazi, 2014). Pendekatan ini juga dapat meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan keyakinan para pemegang taruh terhadap keberkesanan pengurusan dana Islam. Justeru, pelaksanaan audit kewangan dan audit Syariah secara berkala perlu diberi perhatian bagi memastikan setiap aktiviti dalam model hibrid ini sentiasa mematuhi prinsip Syariah, peraturan perundangan serta matlamat asal pewujudan dana zakat dan wakaf.

Kesimpulan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, pendekatan hibrid zakat-wakaf mempunyai potensi yang sangat luas untuk menjadi model pembangunan sosial Islam yang lebih holistik, bersepadu dan mampan. Melalui pengintegrasian strategik dari segi fungsian, kekangan Syariah dan operasi yang wujud pada instrumen zakat serta wakaf secara individu dapat diatasi dengan berkesan. Zakat dapat ditumpukan sepenuhnya untuk membiayai pembangunan modal insan, pemenuhan keperluan saraan segera dan suntikan modal perniagaan, manakala wakaf pula memainkan peranan penting dalam menyediakan prasarana fizikal, bangunan, premis perniagaan, dan aset kekal jangka panjang.

Kerangka konseptual empat fasa yang dicadangkan membantu memastikan pembangunan asnaf dilihat sebagai suatu proses transformasi yang berterusan dan berfasa. Model ini membantu mengurangkan risiko kebergantungan asnaf terhadap bantuan konsumtif, sekaligus membina ketahanan sosioekonomi jangka panjang bagi menghadapi kejutan ekonomi luar. Bantuan kewangan zakat sara hidup hanyalah langkah permulaan. Matlamat akhir adalah memastikan asnaf mempunyai kapasiti intelek, emosi, kemahiran dan aset untuk menjalani kehidupan yang lebih stabil, bermaruah dan sejahtera.

Bagi merealisasikan model hibrid ini secara praktikal di Malaysia, kajian ini mengemukakan beberapa cadangan penting kepada pihak pembuat dasar, pemerintah dan pengurus institusi kewangan sosial Islam. Pertama, menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Hibrid Kebangsaan bagi mewujudkan satu badan penyelaras rasmi di peringkat negeri atau kebangsaan bagi menghubungkan pengurusan institusi zakat, perbadanan wakaf dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk merancang projek hibrid secara bersepadu. Kedua, melaksanakan amalan *Ring-Fencing* yang ketat melalui pembangunan satu garis panduan perakaunan dan tadbir urus standard bagi memastikan dana zakat dan aset wakaf diuruskan dalam akaun berasingan dengan memelihara integriti hukum Syariah (pindah milik vs pengekalan aset). Ketiga, membangunkan Model Projek Rintis dalam sektor kesihatan (hospital wakaf-zakat) atau pendidikan (pusat latihan TVET wakaf-zakat) di beberapa buah negeri terpilih bagi menilai keberkesanan operasi, kos transaksi dan impak sosioekonomi model hibrid sebelum ia diperluaskan secara nasional. Keempat, melakukan kajian lapangan dan pengesahan empirikal dengan menggalakkan penyelidik masa hadapan untuk melaksanakan kajian lapangan kualitatif dan kuantitatif bagi menguji kebolehlaksanaan model konseptual ini serta mendapatkan pengesahan pakar yang mendalam bagi memurnikan setiap komponen dalam kerangka empat fasa tersebut.

Dengan adanya tadbir urus yang telus, akauntabiliti yang tinggi, kerjasama institusi yang erat dan pematuhan Syariah yang mantap, model hibrid zakat-wakaf ini diyakini mampu menjadi gamechanger dalam usaha melestarikan ketahanan ekonomi asnaf serta memartabatkan kedudukan ekonomi umat Islam secara keseluruhan.

Penghargaan:	Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT) di atas pembiayaan projek penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 2025 No. rujukan FRGS/1/2025/SSI03/UITM/02/3. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada dari aspek pengumpulan data mahupun sekadar perkongsian ilmu sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT) di bawah Nombor Geran FRGS/1/2025/SSI03/UITM/02/3.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada Journal of Information System and Technology Management (JISTM).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis 1 dan 2 bertanggungjawab terhadap pengkonsepian, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Penulis 3 dan 4 mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Penulis 5 dan 6 menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Abdul Rahman, M. Z., & Yamaludin, S. M. (2025). Pengukuhan Ekonomi Masyarakat Melalui Sistem Perbankan dan Kewangan Islam dalam Mengatasi Kemiskinan Secara Multidimensi. *e-BANGI Journal*, 22(3), 207. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2203.17>
- Ahmed, H., & Salleh, A. M. H. A. P. M. (2016). Inclusive Islamic financial planning: a conceptual framework. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 9(2), 170-189.
- Alkire, S., & Foster, J. (2011). Counting and multidimensional poverty measurement. *Journal of Public Economics*, 95(7-8), 476-487.
- Al-Qaradawi, Y. (2000). *Fiqh al-Zakah: A Comparative Study of Zakah, Regulations and Philosophy in the Light of Qur'an and Sunnah*. Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Chowdhury, M. S. R., Chowdhury, I. A., & Muhammad, M. Z. (2011). Use of cash waqf for cooperation and development: A conceptual framework. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 4(4), 311-325.
- Çizakça, M. (2000). *A history of philanthropic foundations: The Islamic world from the seventh century to the present* (pp. 2-10). Istanbul: Boğaziçi University Press.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Hassan, M. K., & Lewis, M. K. (Eds.). (2007). *Handbook of Islamic Banking*. Edward Elgar Publishing.
- Kahf, M. (2003, January). The role of waqf in improving the ummah welfare. In *International Seminar on Waqf as a Private Legal Body* (Vol. 6, No. 1, pp. 1-26).
- Mahadi, N. F. (2022). An analysis of waqf, zakāt, qard and takaful as Islamic social finance instruments: Juristic views. *IIUM Law Journal*, 30(S2), 37-56. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v30iS2.762>
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Mohd Ali, S. N., Mokhtar, S., & Mohd Noor, A. H. (2019). The hybrid of waqf land and zakat fund development: a case study for protecting asnaf fisabilillah well-being. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 2(1), 35-44. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/27236>
- Obaidullah, M. (2018). *Islamic Social Finance Report*. Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank (IsDB).
- O'Leary, Z. (2014). *The essential guide to doing your research project* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Pramanik, A. H., Mohammed, M. O., Abu Bakar, M. D., & Thaker, H. M. T. (2015). Maqasid al-Shari'ah's realization through Zakat and Waqf. *Gadjah Mada International Journal of Business*, 17(3), 229-248.
- Rahman, M. H., & Izzuddin, M. I. (2022). Empowering Islamic social finance to reduce the burden of COVID-19 destitute: evidence from Malaysia. *The Journal of Management Theory and Practice (JMTP)*, 3(2), 46-54. <https://doi.org/10.37231/jmtp.2022.3.2.234>
- Sadeq, A. M. (2002). Waqf, perpetual charity and poverty alleviation. *International Journal of Social Economics*, 29(1/2), 135-151.

- Seman, J. A., Jamil, N. N., & Hashim, A. J. C. M. (2021). Development of integrated Islamic finance-based index of financial inclusion using zakat and cash waqf: A preliminary study in Malaysia. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 18(1), 73-95.
- Shirazi, N. S. (2014). Integrating Zakat and Waqf into the poverty reduction strategy of the IDB member countries. *Islamic Economic Studies*, 22(1), 79-108. <https://doi.org.10.12816/0004131>
- Widiastuti, T., Ningsih, S., Prasetyo, A., Mawardi, I., Herianingrum, S., Robani, A., ... & Hady, A. F. (2022). Developing an integrated model of Islamic social finance: toward an effective governance framework. *Heliyon*, 8(9), e10574. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2022.e10>